



TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
DASAR DAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN
EDUCATIONAL POLICY AND DEVELOPMENT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 3, BLOK E8, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8884 6149
Faks : 03-8884 6146
Portal : www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KPM.100-1/3/1 (17)
Tarikh : 03 Jun 2019

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

***SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 7 TAHUN 2019***

**PELAKSANAAN PENDIDIKAN SIVIK DI PRASEKOLAH, SEKOLAH RENDAH
DAN SEKOLAH MENENGAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan pendidikan sivik di prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong telah bertitah semasa sesi Titah Diraja dalam perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen ke-14 tahun 2018 pada 16 Julai 2018 supaya pendidikan sivik diperkenalkan semula di sekolah. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Kementerian Pendidikan Malaysia Bil.9/2018 pada 27 Julai 2018, memutuskan agar pendidikan sivik dilaksanakan di sekolah. Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga telah menyenaraikan pendidikan sivik dilaksanakan sebagai salah satu daripada 12 Inisiatif Terbaharu Peringkat Sekolah.

3. Pendidikan sivik bermatlamat untuk melahirkan warganegara yang mengetahui hak, bertanggungjawab dan berakhlak mulia bagi menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat, negara dan global dengan berfokus kepada literasi sivik dan amali sivik. Pendidikan sivik ini dilaksanakan dan diperkasakan secara bersepadu


serta holistik melalui perhimpunan sekolah, kurikulum, kokurikulum dan pelbagai aktiviti/ program sekolah. Panduan Pelaksanaan Pendidikan Sivik di Prasekolah, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, Kementerian Pendidikan Malaysia adalah seperti di **Lampiran**. Bahan-bahan sokongan berkaitan pelaksanaan pendidikan sivik boleh dimuat turun daripada laman sesawang <http://bpk.moe.gov.my>

4. Surat siaran ini berkuat kuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.
5. YBhg. Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/Dr./tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DR. HABIBAH BINTI ABDUL RAHIM

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
 9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Ketua Komunikasi Korporat
Kementerian Pendidikan Malaysia
-

**PANDUAN PELAKSANAAN PENDIDIKAN SIVIK
DI PRASEKOLAH, SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1.0 PENGENALAN

Matlamat pendidikan sivik adalah untuk melahirkan warganegara yang mengetahui hak, bertanggungjawab dan berakhlak mulia bagi menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat, negara dan global dengan berfokus kepada literasi sivik dan amali sivik. Empat nilai teras diberi penekanan iaitu kasih sayang, hormat-menghormati, bertanggungjawab dan kegembiraan yang merangkumi enam konteks iaitu diri, keluarga, sekolah, masyarakat, negara dan global. Pendidikan sivik ini dilaksanakan dan diperkasakan secara bersepadu serta holistik melalui perhimpunan sekolah, kurikulum, kokurikulum dan pelbagai aktiviti/ program sekolah.

2.0 PERHIMPUNAN SEKOLAH

Pendidikan sivik dilaksanakan semasa perhimpunan sekolah dengan menggunakan Manual Kesedaran Sivik dan Amalan Nilai Murni (MKSANM) berdasarkan panduan seperti berikut:

- i. Dilaksanakan selama 5 minit semasa perhimpunan sekolah pada setiap minggu dengan mengikut nilai teras yang telah ditetapkan.
- ii. Disampaikan kepada murid untuk mencetuskan kesedaran sivik dalam kalangan murid.
- iii. Menggunakan kaedah yang pelbagai mengikut kreativiti pihak sekolah seperti bercerita, bermonolog, dialog, peribahasa, nyanyian dan lain-lain.
- iv. Menggunakan pelbagai media untuk mendapatkan input tambahan.

3.0 KURIKULUM

i. Prasekolah

Sivik di prasekolah dilaksanakan dalam waktu Pembelajaran Bersepadu, iaitu semasa Perbualan Awal dan Aktiviti Pembelajaran. Waktu yang diperuntukkan untuk Perbualan Awal ialah 10 minit seminggu dan 20 minit bagi Aktiviti Pembelajaran. Bahan sokongan sedia ada serta bahan sokongan lain yang bersesuaian boleh digunakan untuk mengukuhkan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan menarik minat murid.

ii. Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah

Pendidikan sivik dilaksanakan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Sejarah. Masa yang diperuntukkan ialah selama satu jam pada minggu keempat setiap bulan. Guru perlu merancang dan memilih tajuk mengikut nilai teras yang selari dengan perhimpunan sekolah dan aktiviti kokurikulum. Guru hendaklah merujuk modul exemplar dalam mata pelajaran berkaitan dan boleh mengubah suai aktiviti mengikut aras kesesuaian murid. Pihak sekolah diberi kelonggaran untuk meminda minggu pelaksanaan pendidikan sivik sekiranya bertembung dengan aktiviti sekolah pada minggu keempat.

4.0 KOKURIKULUM

Pelaksanaan pendidikan sivik dalam kokurikulum adalah berdasarkan panduan seperti berikut:

- i. Menggunakan panduan Amalan Pendidikan Sivik dalam Kokurikulum.**
- ii. Pendidikan sivik dalam aktiviti kokurikulum dilaksanakan selama 30 minit bagi murid sekolah menengah dan 20 minit bagi murid sekolah rendah pada setiap minggu selari dengan nilai teras yang telah ditetapkan.**

- iii. Melibatkan aktiviti pasukan badan beruniform, kelab dan persatuan serta sukan dan permainan dengan mengaplikasikan pengetahuan sivik, sosioemosi sivik dan tindakan sivik dalam kalangan murid.
- iv. Menggunakan pelbagai aktiviti kokurikulum bagi memperkembangkan nilai-nilai murni, mengamalkan sifat kemanusiaan dan keinsanan serta meningkatkan jati diri dalam kalangan murid.
- v. Melibatkan guru penasihat pasukan badan beruniform, persatuan atau kelab serta sukan dan permainan.

5.0 AKTIVITI/ PROGRAM SEKOLAH

Pihak sekolah digalakkan mengadakan aktiviti/ program sekolah dengan kerjasama strategik pihak berkepentingan seperti kementerian, agensi swasta, media, komuniti dan individu. Pelaksanaan aktiviti/ program sekolah adalah seperti berikut:

- i. Pelaksanaan pendidikan sivik melalui aktiviti/ program sekolah perlu diselarikan dengan nilai teras yang telah ditetapkan.
- ii. Pelibatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta komuniti setempat diperkasakan dalam aktiviti/ program seperti Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP), Sambutan Bulan Kemerdekaan, Hari Bumi, Hari Kanak-kanak Sedunia dan sebagainya.
- iii. Sebarang aktiviti/ program sekolah yang melibatkan kerjasama dengan pihak luar perlu mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5 Tahun 2018: Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar bagi Kelulusan Permohonan oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia

6.0 KESIMPULAN

Pelibatan semua pihak secara kolektif adalah penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan pendidikan sivik untuk melahirkan warganegara yang mengetahui hak, bertanggungjawab dan berakhlak mulia bagi menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat, negara dan global.